



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN PROGRAM INTERVENSI LATIHAN TAKTIKAL DAN KESANNYA DALAM KALANGAN PEMAIN HOKI REMAJA LELAKI

NOORZALIZA BINTI OSMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**PUSAT SUKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Komponen taktikal merupakan salah satu komponen prestasi sukan yang penting untuk atlet, selain daripada komponen fizikal, teknikal dan psikologi. Kajian ini dijalankan untuk membina dan melihat kesan program intervensi latihan taktikal terhadap tahap pengetahuan, ketepatan membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal dalam kalangan pemain hoki remaja lelaki. Pembolehubah yang diukur adalah tahap pengetahuan taktikal, ketepatan membuat keputusan taktikal dan prestasi aksi taktikal. Seramai 30 orang pemain hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil secara sukarela terlibat dalam kajian ini dan pemilihan subjek adalah berdasarkan latar belakang sukan yang hendak dikaji. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara persampelan rawak mudah. Kumpulan rawatan telah menjalani program intervensi latihan taktikal selama lapan minggu (melibatkan sesi-sesi teori taktikal, amali-amali melibatkan ketepatan membuat keputusan dan amali-amali situasi permainan). Tahap pengetahuan taktikal diukur dengan menggunakan *Tactical Skills Inventory for Sports* (TACSIS) yang diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia, manakala ketepatan membuat keputusan diukur dengan Soalan Taktikal Video Klip (SOTAVIK) dan aksi taktikal pula diukur dengan Prestasi Aksi Taktikal Hoki (PATH) (situasi mini perlawanan 3 lawan 3). Data dianalisis dengan menggunakan ujian SPANOVA. Dapatan kajian mendapati bahawa kumpulan rawatan yang menjalani program intervensi latihan taktikal selama lapan minggu, berlakunya perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dan skor ujian pasca dari segi tahap pengetahuan taktikal (Skala A=mengetahui tentang tindakan bola [$F(1,28)=86.86, p<0.05$], (Skala B=Mengetahui tentang orang lain [$F(1,28)=22.95, p<0.05$], (Skala C=Kedudukan dan Membuat keputusan [$F(1,28)=18.51, p<0.05$], Skala D=Tindakan dalam perubahan situasi [$F(1,28)=26.66, p<0.05$]. Ketepatan membuat keputusan (Bahagian A video klip



situasi penyerang [$F(1,28)=34.55, p<0.05$] dan (Bahagian B video klip situasi pertahanan [$F(1,28)=169.23, p<0.05$] dan prestasi aksi taktikal (PATHAB Aksi berjaya A situasi penyerang [$F(1,28)=25.98, p<0.05$]) dan (PATHBB Aksi berjaya B situasi pertahanan [$F(1,28)=0.87, p<0.05$]). Dapatan kajian turut mendapati bahawa kumpulan rawatan yang menjalani program intervensi latihan taktikal selama lapan minggu, berlakunya perbezaan yang signifikan di antara skor kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dari segi tahap pengetahuan taktikal (Skala A=Mengetahui tentang tindakan bola [$F(1,28)=159.10, p<0.05$], (Skala B=Mengetahui tentang orang lain [$F(1,28)=3.95, p<0.05$], (Skala C=Kedudukan dan Membuat keputusan [$F(1,28)=24.73, p<0.05$], (Skala D=Tindakan dalam perubahan situasi [$F(1,28)=55.15, p<0.05$]. Ketepatan membuat keputusan (Bahagian A video klip situasi penyerang [$F(1,28)=122.59, p<0.05$] dan (Bahagian B video klip situasi pertahanan [$F(1,28)=169.01, p<0.05$] dan bagi prestasi aksi taktikal (PATHAB Aksi berjaya A situasi penyerang [$F(1,28)=29.12, p<0.05$] dan (PATHBB Aksi berjaya B situasi pertahanan [$F(1,28)=1.27, p<0.05$]). Hasil daripada kajian ini, program intervensi latihan taktikal ini dikatakan sesuai untuk pemain hoki remaja lelaki dan instrumen pengukurun juga boleh digunapakai untuk menguji tahap pengetahuan taktikal, ketepatan membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal para pemain sebelum dan semasa menjalani latihan, sekaligus bagi memastikan para pemain dapat meningkatkan prestasi permainan dalam perlawanan. Kajian ini juga mencadangkan kepada para jurulatih dapat memberikan penumpuan latihan dari segi komponen taktikal dalam program latihan tahunan pasukan atau atlet.



Tactical components is one of the important components of sports performance for athletes, apart from the physical, technical and psychological components. This study was conducted to build up and examine at the effect of tactical training intervention on the level of knowledge, decision making accuracy and performance of the tactical action among boy's hockey player. The variable measured were tactical level of knowledge, tactical decision making accuracy and performance of the tactical action. A total of 30 male hockey players from Bukit Jalil Sports School were voluntarily involved in this study and the selection of subjects is based on the background of the sports to be studied. They are divided into two groups, namely treatments and the control group through simple random sampling. Treatment group has been undergoing tactical training intervention program for eight weeks (involves theoretical sessions, practical sessions tactical which include accuracy decision making and practical in game situations). Tactical level of knowledge was measured using the Tactical Skills Inventory for Sports (TACSIS), which was translated into Bahasa Malaysia, while the accuracy of decision-making was measured by Tactical Video Clip Questions (SOTAVIK) and tactical action in turn was measured by the performance of the Tactical Action (PATH) Hockey (3 vs 3 mini match situation). Test data was analyzed using SPANOVA. Results of this study found significance difference between pre- and post-test in tactical level of knowledge (Scale A=knowing about ball action [F(1,28)=86.86.05,p<0.05], (Scale B=knowing about others [F(1,28)=22.95,p<0.05], Scale C=positioning and deciding [F(1,28)=18.51,p<0.05], the scale of D=acting in changing situations [F(1,28)=26.66, p<0.05]. The accuracy of decision-making (part A attacker situation's video clip [F (1,28)=34.55,p<0.05] and (part B defence situation's video clip) [F(1,28)=169.23, p<0.05] and tactical action performance (PATHAB succeeded



action in attacker situation part A [$F(1,28)=25.98, p<0.05$] and (PATHBB succeeded action in defence situation part B [$F(1,28)=0.87, p<0.05$]. This study also revealed significance difference between treatment and control group knowledge (Scale A=knowing about ball action [$F(1,28)=159.10, p<0.05$], (Scale B= knowing about others [$F(1,28)=3.95, p<0.05$], (Scale C= positioning and deciding [$F(1,28)=24.73, p<0.05$], the scale of D = acting in changing situations [$F(1,28)=55.15, p<0.05$]. The accuracy of decision-making (part A attacker situation's video clip) [$F(1,28)=122.59, p<0.05$] and (part B defence situation's video clip) [$F(1,28)=169.01, p<0.05$] and for tactical action performance (PATHAB succeeded action in attacker situation part A [$F(1,28)=29.12, p<0.05$] and (PATHBB succeeded action in defence situation part B [$F(1,28)=1.27, p<0.05$]. From the findings we can conclude that this tactical training intervention is suitable for boy's hockey player and measurement of instruments may be used to evaluate the tactical knowledge, accuracy in decision making and players action tactical performance before and during training. This study suggest coaches to emphasize on training the tactical components in team or athlete's annual training program.

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1:	PENGENALAN	1
	1.1 Latar belakang kajian	1
	1.2 Pernyataan masalah	8
	1.3 Persoalan kajian	10
	1.4 Objektif kajian	11
	1.5 Batasan kajian	12
	1.5.1 Delimitasi kajian	13
	1.5.2 Limitasi kajian	14
	1.6 Kepentingan kajian	14
	1.7 Definisi operasional	16

BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	19
	2.1 Pengenalan	19
	2.2 Sub-topik	34
	2.2.1 Strategi, taktik, pengetahuan taktikal, membuat keputusan taktikal serta prestasi aksi taktikal	34
	2.2.1.1 Strategi	35
	2.2.1.2 Taktik	35
	2.2.1.3 Pengetahuan taktikal	37
	2.2.1.4 Membuat keputusan taktikal	45

2.2.2	Proses kognitif dalam menyokong pengetahuan taktikal, membuat keputusan taktikal dan prestasi aksi taktikal	51
2.2.2.1	Pengisian kognitif	51
2.2.3	Kajian berkaitan program-program latihan terpilih, penggunaan teknologi sukan dan analisis permainan	53
2.2.3.1	Program intervensi untuk memperbaiki taktikal	53
2.2.3.2	Melatih pemahaman taktikal di padang	55
2.2.3.3	Melatih membuat keputusan	56
2.2.3.4	Membina sebuah asas pengetahuan	62
2.2.3.5	Penggunaan teknologi sukan	63
2.2.3.6	Analisis permainan	65
2.5	Kesimpulan	68

BAB 3:

METODOLOGI 70

3.1 Pengenalan 70

3.2 Rekabentuk kajian 70

3.3 Kerangka kajian 71

3.4 Pembolehubah kajian 74

3.5 Subjek kajian 70

3.6 Program Intervensi Latihan Taktikal 76

3.6.1 Peringkat merangka Program Intervensi Latihan Taktikal 76

3.6.1.1 Peringkat pertama: 76

Pembentukan asas Program Intervensi Latihan Taktikal

3.6.1.2 Peringkat kedua: Percubaan dan penilaian Program Intervensi Latihan Taktikal 79

3.7 Prosedur kajian 80

3.7.1 Perlaksanaan Program Intervensi Latihan Taktikal 80

3.7.2 Sesi Pertemuan dan perbincangan dengan subjek tentang kajian 80

3.7.3 Proses pelaksanaan latihan taktikal 81

3.8 Alat kajian 88

3.8.1.1 Maklumat demografi 90

3.8.1.2 Pengetahuan deklaratif
(Skala A dan Skala B) 90

3.8.1.3 Pengetahuan prosedural
(Skala C dan Skala D) 90

3.8.2 Prosedur terjemahan soal selidik
TACSIS 90

3.8.3 Situasi Permainan Video Klip
(SOTAVIK) 91

3.8.4 Prestasi Aksi Taktikal Hoki
(PATH) 94

3.8.5 Kajian rintis 98

3.8.6 Ujian pra dan ujian pasca 101

3.9 Pentadbiran dan pengurusan kajian 102

3.10 Penganalisan data 103

3.10.1 Statistik deskriptif 104

3.10.2 Statistik inferensi 105

3.10.2.1 Spanova 105

BAB 4: KEPUTUSAN DAN DAPATAN KAJIAN 106

4.1 Pengenalan 106

4.1.1 Laporan demografik subjek 106

4.1.2 Laporan berdasarkan persoalan
kajian pertama dan kedua 107

4.1.3 Analisis data persoalan kajian ketiga
dan keempat 118

4.1.4 Analisis data persoalan kajian
kelima dan keenam 126

BAB 5: PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 134

5.1 Pengenalan 134

5.2 Perbincangan 134

5.2.1 Perbincangan dapatan kajian
mengenai perbezaan pengetahuan
taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ
sebelum dan selepas menjalani
Program Intervensi Latihan Taktikal
selama lapan minggu. 135

5.2.2 Perbincangan dapatan kajian
perbezaan pengetahuan taktikal di
antara kumpulan rawatan dan
kawalan selepas Program Intervensi
Latihan Taktikal 140

5.2.3 Perbincangan dapatan kajian
perbezaan ketepatan membuat
keputusan dalam kalangan PHRL
SSBJ sebelum dan selepas menjalani
Program Intervensi Latihan Taktikal
selama lapan minggu. 142

5.2.4 Perbincangan dapatan kajian
Perbezaan ketepatan membuat
keputusan di antara kumpulan rawatan
dan kawalan selepas Program
Intervensi Latihan Taktikal 145

5.2.5 Perbincangan dapatan kajian
Perbezaan prestasi aksi taktikal dalam
kalangan PHRL SSBJ sebelum dan
selepas menjalani Program Intervensi
Latihan Taktikal selama lapan
minggu. 146

5.2.6 Perbincangan dapatan kajian perbezaan
prestasi aksi taktikal di antara
kumpulan rawatan dan kawalan
selepas Program Intervensi Latihan
Taktikal 148

5.3 Kesimpulan 149

5.4 Cadangan 153

5.4.1 Batasan dan kelemahan kajian 153

5.4.2 Cadangan-cadangan 153

5.5 Penutup 155

RUJUKAN 157

SENARAI RAJAH

1.1	Model teori pemprosesan maklumat	3
1.2	Model Pendekatan <i>Teaching Games for Understanding</i> (TGfU)	5
2.1	Model teori pemprosesan maklumat	21
2.2	Sambungan kemungkinan tahap analisis dalam kembalikan servis dalam tenis	23
2.3	Model Pendekatan <i>Teaching Games for Understanding</i> (TGfU)	29
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	33
2.5	Sukan berstrategi rendah dibandingkan dengan sukan berstrategi tinggi	46
2.6	Hubungan dan elemen utama bagi strategi, taktik dan skema permainan	48
2.7	Aspek penting melibatkan penilaian persembahan dalam sukan berpasukan	49
3.1	Kerangka konseptual	73
3.2	<i>Randomized Pre-test-Post-test Control Group</i>	75
4.1	Min skor bagi Skala A	114
4.2	Min skor bagi Skala B	115
4.3	Min skor bagi Skala C	116
4.4	Min skor Skala D	117
4.5	Min skor Bahagian A	124
4.6	Min skor Bahagian B	125
4.7	Min skor PATHAB	132
4.8	Min skor PATHBB	133

SENARAI JADUAL

3.1	Keputusan Kajian Rintis Ketekalan Dalam TACSIS	93
3.2	Keputusan Kajian Rintis Uji dan Ulang Uji TACSIS	94
3.3	Keputusan Kajian Rintis Ketekalan Dalam SOTAVIK	97
3.4	Keputusan Kajian Rintis Uji dan Ulang Uji SOTAVIK	98
3.5	Keputusan Kajian Rintis Ketekalan Dalam PATH	101
3.6	Ringkasan Program Intervensi Latihan Taktikal Selama Lapan Minggu	82
4.1	Taburan subjek mengikut umur subjek	106
4.2	Bilangan posisi dan peringkat wakil negeri dan kebangsaan subjek dalam pasukan	107
4.3	Statistik deskriptif bagi ujian pra dan ujian pasca TACSIS mengikut kumpulan (Min±SD)	109
4.4	Ujian <i>Multivariate</i> Pillai's Trace Skala A, B, C, D (TACSIS)	110
4.5	Keputusan Ujian Antara Kumpulan	111
4.6	Jadual perbandingan (Pairwise Comparison) TACSIS (Skala A,B,C,D)	112
4.7	Statistik deskriptif bagi ujian pra dan ujian pasca SOTAVIK mengikut kumpulan	120
4.8	Ujian <i>Multivariate</i> Bahagian A dan B (SOTAVIK)	121
4.9	Keputusan Ujian Antara Kumpulan	122
4.10	Jadual perbandingan (<i>Pairwise Comparison</i>) SOTAVIK	123
4.11	Statistik deskriptif bagi ujian pra dan ujian pasca PATH mengikut kumpulan (min±sd)	128
4.12	Ujian <i>Multivariate</i> PATH	129

SENARAI SINGKATAN

PHRL SSBJ	Pemain Hoki Remaja Lelaki Sekolah Sukan Bukit Jalil
TACSIS	<i>Tactical Skills Inventory for Sports</i>
SOTAVIK	Soalan Taktikal Video Klip
PATH	Prestasi Aksi Taktikal Hoki
TGfU	<i>Teaching Games for Understanding</i>
ms.	Muka surat



1.1. Latar belakang kajian

Prestasi sesebuah pasukan sukan bergantung kepada empat komponen utama fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi. Keempat-empat komponen tersebut dikatakan penting bagi memastikan prestasi sesebuah pasukan atau atlet dapat mencapai pada tahap yang maksimum. Menurut Warrington (2010), gabungan yang baik keempat-empat komponen tersebut adalah penentu kepada kejayaan sesebuah pasukan atau pemain, Oleh itu, keempat-empat komponen tersebut amat penting dalam apa jua bidang sukan yang diceburi (ms. 5).

Perancangan program latihan yang sistematik iaitu latihan yang berterusan dapat membantu atlet bersedia dari aspek fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi. Secara umumnya, program latihan yang disediakan oleh jurulatih adalah untuk memperkembangkan dan meningkatkan potensi dan prestasi atlet ke tahap maksimum. Komponen-komponen ini merupakan satu keperluan dalam program latihan kerana ia saling berkait antara satu sama lain. Malahan Kornspan (2009) menyatakan pemain perlu bersedia untuk menerima latihan keempat-empat komponen tersebut untuk ke arah mencapai matlamat yang dikehendaki (ms. 39).

Fizikal adalah aspek penting dalam sesuatu program latihan bertujuan untuk meningkatkan kecergasan atlet serta memperkembangkan keupayaan biomotor atlet ke tahap maksimum seperti latihan bebanan, bertujuan untuk meningkatkan daya tahan otot. Aspek teknikal adalah kaedah spesifik untuk menguasai dan meningkatkan sesuatu kemahiran seperti menjalani latihan khusus kemahiran menggelecek bola. Manakala




taktikal adalah satu perancangan atau strategi yang akan digunakan semasa pertandingan, sebagai contoh memberikan latihan berdasarkan situasi-situasi (contoh 2 lawan 2, 3 lawan

3) yang sering berlaku dalam perlawanan. Penguasaan taktik yang baik dapat menentukan kejayaan sesuatu perancangan atau strategi. Aspek psikologi melibatkan kemahiran seperti penepatan matlamat, mengawal kebimbangan, motivasi, imageri dan simulasi. Persediaan mental atlet untuk pertandingan adalah satu prosedur saintifik dan sistematik membolehkan atlet membawa bersamanya persediaan fizikal, teknikal dan taktikal apabila menghadapi sesuatu pertandingan. Keempat-empat komponen tersebut penting mempertingkatkan prestasi sesebuah pasukan atau individu dalam sukan yang diceburi. Namun dalam kajian ini, akan lebih tertumpu kepada komponen taktikal, ini adalah kerana berdasarkan kepada Clemente & Rocha (2013) membincangkan betapa pentingnya komponen taktikal dalam program latihan yang perlu disediakan oleh jurulatih kajian (ms. 14). Garganta (2009) memberikan kesimpulan bahawa komponen taktikal diberikan sedikit perhatian sahaja terhadap pemain dan pasukan berbanding dengan komponen yang lain (ms. 89). Oleh itu, pembacaan seterusnya adalah tentang komponen berkaitan dengan taktikal sahaja.

Perkataan taktik berasal dari perkataan Greek 'taktika' yang dirujuk sebagai bagaimana sesuatu perkara yang perlu diselenggarakan (Bompa & Haff, 2009). Taktik dan strategi dalam sukan adalah merupakan aspek penting kepada jurulatih dan pemain, bagi memastikan pasukan dapat mempamerkan prestasi permainan yang baik. Garganta (2009) pula menyatakan komponen taktikal memainkan peranan yang penting dalam prestasi berpasukan (ms. 82). Beliau memberikan pandangan tersebut atas perbincangan beliau dalam melihat komponen-komponen latihan yang membawa ke arah prestasi sesebuah pasukan yang baik.

Dalam usaha untuk mengkaji taktikal, pengkaji telah memilih model teori pemprosesan maklumat (Welford, 1968), Model Pendekatan *Teaching Games for Understanding*

TGfU (Werner, Thorpe & Bunker, 1996) dan Model Rangka Kerja McPherson (1994) sebagai rujukan untuk mengasaskan kajian ini.



Rajah 1.1 Model teori pemprosesan maklumat (Welford, 1968 dalam McMorris & Hale 2006)

Merujuk kepada teori pemprosesan maklumat Rajah 1.1, kaitan teori ini dengan kemahiran taktikal adalah maklumat yang diperolehi oleh pemain tidak kira semasa latihan atau pertandingan kerana ia menghasilkan keputusan melalui aksi yang diberikan oleh pemain. Input dalam pemprosesan maklumat adalah semua maklumat yang wujud dalam persekitaran, sama ada maklumat tersebut relevan atau tidak relevan. Persepsi pula, merupakan tanggapan terhadap maklumat yang ada dalam persekitaran. Tanggapan ini adalah berdasarkan kepada perbandingan antara apa yang disimpan dalam ingatan jangka masa pendek dengan apa yang dipegang dalam ingatan jangka masa panjang.

Membuat keputusan merupakan proses dirujuk sebagai ingatan kerja (memori ingatan jangka masa pendek dan ingatan jangka masa panjang). Sebaik sahaja pemain mengambil

keputusan dan mengetahui apa tindakan yang perlu dilakukan, maklumat terus dihantar daripada sistem saraf pusat kepada sistem saraf pinggir, supaya pergerakan boleh berlaku. Sebaik sahaja pemain mula bergerak, pemain turut mula memproses maklum balas. Maklum balas menjadi maklumat tentang sifat pergerakan pemain.


Dalam Rajah 1.1 (ms 3), gambaran maklum balas yang berada di bawah anak panah, menunjukkan ketika dalam pergerakan, pemain boleh menggunakan maklumat yang diperolehi untuk mengubah atau memperbaiki tindakan pemain kerana proses pergerakan sedang berjalan. Maklum balas yang berada atas anak panah merupakan maklumat tentang kejayaan atau kegagalan tindakan pemain, dan diberikan semula ke memori. Maklumat ini disimpan dalam ingatan memori jangka masa panjang dan ia bertanggungjawab ke atas pembelajaran.

Oleh itu, dalam kajian ini, konseptual taktikal merujuk kepada teori pemrosesan maklumat (Welford, 1968 dalam McMorris & Hale, 2006), iaitu atlet perlu melalui proses tiga kategori maklumat dalam menunjukkan prestasi secara efektif, iaitu maklumat yang diperolehi atau diterima dalam persekitaran, kemudian maklumat (situasi) mempengaruhi keputusan tentang apa yang perlu dilakukan dan mengenai maklumat (situasi) yang diterima oleh pemain untuk melakukan (aksi) atau melaksanakan tindakan terhadap situasi yang dihadapi.

Selain teori pemrosesan maklumat, model rangka kerja McPherson (1994) turut dilihat. Dalam model rangka kerja McPherson (1994) ini, ia bermula dengan satu kontinum yang bergerak dari pilihan respons kepada maklum balas pelaksanaan (pergerakan dari kiri ke kanan) dan satu lagi perpindahan dari pengetahuan (mengetahui apa yang perlu dilakukan) untuk tindakan (melakukannya), mengikut dalam domain sukan atau konteks

eksperimen. Tujuan rangka kerja ini ialah supaya membentuk dan mentafsirkan penyelidikan yang mengkaji pengetahuan asas dan kemahiran prestasi dalam sukan.

Dengan berdasarkan rangka kerja McPherson (1994) ini, kajian tentang pengetahuan taktikal dilakukan dengan mengaitkan penggunaan borang soal selidik yang dibina oleh Elferink et al. (2004b) yang berdasarkan kepada rangka kerja McPherson (1994) ini.



Rajah 1.2 Model Pendekatan TGfU (Werner, Bunker & Thorpe, 1996)

Manakala Model pendekatan *Teaching Games for Understanding* (TGfU) pula (Rajah 1.2), dirujuk sebagai dalam program intervensi yang dirancang kerana model ini adalah amat sesuai untuk memberikan kefahaman taktikal kepada pemain. Tujuan model ini adalah untuk memberikan kesedaran taktikal dalam kalangan murid-murid untuk membuat keputusan dengan penggunaan taktik dan kemahiran yang sesuai dalam situasi permainan.

Semasa membuat keputusan dalam situasi permainan, pemain membuat keputusan sendiri atas situasi yang dihadapi. Kemahiran taktikal juga penting kerana pemain perlu membuat keputusan apa yang hendak dilakukan apabila menghadapi situasi permainan.

Sebagai contoh dalam permainan sukan hoki, apabila pemain penyerang sedang membawa bola ke arah dalam kawasan D, pemain tersebut perlu membuat keputusan

sama ada pemain perlu terus membawa bola tersebut dan membuat jaringan atau membuat hantaran kepada rakan sepasukan terlebih dahulu sebelum percubaan menjaringkan gol. Smith (1988) menyatakan, membuat keputusan tentang di mana dan bila untuk mengubah posisi dalam gelanggang adalah dilakukan secara berterusan oleh pemain semasa tidak memiliki bola, dan apabila sama ada rakan sepasukan atau pihak lawan dalam keadaan menguasai atau memiliki bola.

Kemahiran taktikal melibatkan membuat keputusan dan aksi pemain dalam permainan untuk mendapatkan kelebihan daripada pihak lawan tidak kira secara berpasukan atau individu (Martens, 2004). Sebagai contoh, taktik yang mudah memukul bola hoki ke arah sisi kiri atau kanan yang dilihat lemah untuk pasukan pihak lawan untuk menahan bola tersebut, atau meletakkan bola jauh dari pihak lawan, berlari pantas pada awal larian dan berharap pihak lawan akan kepenatan pada awal larian. Pemain yang boleh memberikan demonstrasi taktik terbaik, akan tahu bagaimana untuk menggunakan ruang dan masa

dengan bijak.

Dalam sukan hoki, penekanan tentang penguasaan dari segi kemahiran dan pengetahuan taktikal adalah penting dan perlu diterapkan oleh para jurulatih, sebagai contoh pemain hoki boleh membuat keputusan sama ada untuk menghantar bola ke rakan sepasukan, atau terus membuat pukulan untuk menjaringkan gol. Oleh itu, untuk menjadi pasukan yang berjaya dalam sukan hoki, pemain perlu bertindak cepat dan tepat dalam persekitaran permainan yang berubah-ubah dan kompleks (Elferink-Gemser et al., 2010)

Selain daripada itu, pemain sendiri juga perlu melakukan kemahiran taktikal dalam perlawanan dengan melaksanakan pergerakan taktikal dan ada keupayaan untuk bertindak membuat aksi yang betul pada masa yang tepat. Elferink-Gemser, Visscher,

Richart & Lemmink (2004b) mendapati dalam kajian mereka, apabila pemain mengetahui



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

bila untuk mempamerkan aksi yang tepat, ia adalah satu ciri yang dianggap 'game intelligence' dan ia penting sekali untuk kejayaan dalam sukan hoki.

Greenwood (2000) menghuraikan dalam kajian tentang sukan rugby, latihan taktikal sebagai kaedah yang mana pemain akan mempelajari untuk membaca situasi perlawanan untuk memberi tindakbalas terhadap aksi penyerang dan pertahanan dalam memenuhi objektif strategi. Beliau turut mencadangkan latihan taktikal boleh termasuk perkara-perkara seperti mempelajari prinsip sukan strategi, peraturan, analisis corak permainan bakal pihak lawan dan analisis keseluruhan pasukan dan individu. Kejayaan mana-mana program latihan kebiasaannya ditentukan berdasarkan hasil. Pemain menyesuaikan diri dengan program yang berkaitan dengan hasil adalah bergantung kepada jenis program yang boleh dikira. Model latihan kemahiran taktikal yang dikemukakan adalah salah satu cara untuk mencapai matlamat kajian ini.



Kajian ini merujuk kepada ketiga-tiga model iaitu (teori pemprosesan maklumat

(Welford, 1968), Model Rangka kerja McPherson (1994) dan Teaching Games for Understanding (TGfU) (Werner, Bunker & Thorpe, 1996), pengkaji telah membina kerangka teoritikal untuk untuk mengasaskan kajian ini dan rajah kerangka teoritikal berada dalam Bab dua dan perincian lanjut tentang setiap teori turut diperjelaskan di dalam Bab dua.

Pengkaji berpendapat kajian mengenai program latihan komponen taktikal adalah penting untuk memberikan peluang untuk pemain meningkatkan kemahiran taktikal. Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan ini adalah melibatkan satu Program Intervensi Latihan Taktikal dalam sukan hoki, dengan disertakan instrumen bagi menguji pengetahuan, ketepatan membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Pernyataan masalah

Kunci prestasi sesebuah pasukan bergantung kepada empat komponen iaitu fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi (Knights, 2010). Komponen taktikal dalam pasukan penting kerana ia membantu pasukan untuk memberikan permainan yang baik sekaligus memperolehi kemenangan. Ini disokong oleh American Sport Education Program (ASEP) bersama Walker & Stevens, (2009) mengulas berkaitan dengan sukan softball walaupun menguasai komponen teknikal amat penting, ia adalah tidak mencukupi. Pemain perlu tahu bukan sahaja cara untuk bermain permainan secara teknikal tetapi juga bagaimana untuk memilih taktik yang perlu untuk mencapai kejayaan. Oleh itu, pemain harus juga dilatih supaya mempunyai pengetahuan tentang taktikal semasa dalam latihan atau perlawanan, membuat keputusan secara spontan yang tepat serta dapat mengaplikasikan kemahiran taktikal dalam situasi permainan. Dalam American Sport Education Program (ASEP) bersama Walker & Stevens, (2009), American Sport Education Program (ASEP) & Reynaud (2011) menyatakan jurulatih merupakan pakar

dalam bidang sukan kejurulatihan mengikut sukan masing-masing, mereka lebih fokus melatih pemain dari segi aspek teknikal dan kurang memberikan perhatian yang sewajarnya pada aspek taktikal. Nevett, Rovegno & Babiarz, (2001), American Sport Education Program (ASEP) & Reynaud (2011) turut membahaskan sekiranya arahan dari jurulatih hanya fokus sepenuhnya terhadap pelaksanaan kemahiran motor dan kurang terhadap pengetahuan taktikal, atlet tidak akan memenuhi keperluan strategi dalam permainan untuk menjadi kompeten, bahkan seseorang pemain mungkin mengetahui apa yang perlu dilakukan tetapi pemain tidak berupaya mempamerkan ketepatan membuat keputusan yang baik kerana pelbagai sebab seperti masa, tekanan pihak lawan dan keletihan (Turner & Martinek, 1995).

Permasalahan yang seterusnya adalah kajian terhadap aspek taktikal dalam sukan terutama sekali dalam sukan hoki adalah terhad. Ini turut disokong oleh Mitchell, Oslin

& Griffin (2006), Garganta (2009) dalam analisis mendapati kajian bagi aspek taktikal adalah terhad dan mendapat sedikit perhatian (ms. 81). Selain daripada itu, gabungan penyelidikan tentang situasi taktikal dalam situasi permainan yang realiti dan pembolehubah yang lain turut digalakkan.

Kebanyakan kajian aspek taktikal yang dijalankan selama ini melibatkan perbandingan dan hubungan pengetahuan taktikal dan kemahiran taktikal antara pemain elit dan novis sahaja dan tiada Program Intervensi Latihan Taktikal yang terlibat seperti kajian Elferink-Gemser et al. (2010), Kannekens, Elferink-Gemser & Visscher (2009), French et al. (1996) melibatkan perbandingan pengetahuan taktikal dengan tahap permainan antara pemain elit dan novis. Gabungan program latihan, borang selidik dan klip-klip video situasi digalakkan untuk dikaji bersama (Elferink-Gemser et al., 2010) (ms. 528).

Tambahan lagi kajian-kajian tersebut tidak melaksanakan Program Intervensi Latihan Taktikal bagi menguji pengetahuan taktikal, ketepatan membuat keputusan taktikal dan prestasi aksi taktikal pemain.

Kekurangan berlaku dari segi kajian tentang keberkesanan latihan taktikal terhadap pengetahuan, membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal dalam sukan berpasukan atau individu. Dalam kajian analisis taktikal oleh Falco et al. (2014) terhadap atlet juara dan bukan juara dalam sukan takewando, Falco et al. (2014) mencadangkan keperluan latihan taktikal penting untuk meningkatkan kemahiran taktikal, walau bagaimanapun dalam kajian tersebut tiada program latihan taktikal yang dihasilkan (ms. 1416). Wagner, Finkenzeller, Würth, & Von Duvillard (2014) dalam kajian yang dilakukan terhadap prestasi pasukan dan individu menyimpulkan kurangnya tentang kajian penghasilan program latihan terutama secara khusus kepada membuat keputusan dan taktikal.





Sukan berpasukan memerlukan Program Intervensi Latihan Taktikal yang khusus dalam pengetahuan, membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal dan dalam kajian ini, pengkaji menghasilkan satu program latihan taktikal yang tertumpu kepada membina pengetahuan, membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal.

Program Intervensi Latihan Taktikal ini penting untuk sukan berpasukan dan sukan berprestasi tinggi kerana disebabkan situasi permainan berubah, atlet atau pemain perlu ada pengetahuan taktikal deklaratif dan prosedural bagi dapat membuat keputusan sendiri secara spontan dan tepat sekaligus dapat mempamerkan prestasi aksi taktikal dalam permainan. Kenyataan tersebut disokong dengan oleh Psotta & Martin (2011) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi pengetahuan taktikal, membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal, ini kerana mereka telah menjalankan kajian tentang hubungan antara pengetahuan taktikal, membuat keputusan dan prestasi aksi taktikal. Oleh itu, kajian ini melihat keberkesanan Program Intervensi Latihan Taktikal terhadap pengetahuan taktikal, ketepatan membuat keputusan taktikal dan prestasi aksi taktikal dalam kalangan Pemain Hoki Remaja Lelaki Sekolah Sukan Bukit Jalil (PHLR SSBJ) ini.



1.3 Persoalan kajian

- 1.3.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan Taktikal selama lapan minggu?
- 1.3.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan taktikal antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal?



1.3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ketepatan membuat keputusan dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan

Taktikal selama lapan minggu?

1.3.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ketepatan membuat keputusan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal?

1.3.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan prestasi aksi taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan Taktikal selama lapan minggu?

1.3.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan prestasi aksi taktikal antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal?

1.4 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan dan mengkaji secara mendalam kesan Program Intervensi Latihan Taktikal terhadap peningkatan pengetahuan taktikal, ketepatan membuat keputusan taktikal dan prestasi aksi taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ. Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1.4.1 Membuat perbandingan pengetahuan taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan Taktikal selama lapan minggu.

1.4.2 Membuat perbandingan pengetahuan taktikal antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal.

1.4.3 Membuat perbandingan ketepatan membuat keputusan taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan Taktikal selama lapan minggu.



kesan Program Intervensi Latihan Taktikal terhadap peningkatan pengetahuan taktikal,



1.4.4 Membuat perbandingan ketepatan membuat keputusan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal.

1.4.5 Membuat perbandingan prestasi aksi taktikal dalam kalangan PHRL SSBJ sebelum dan selepas menjalani Program Intervensi Latihan Taktikal selama lapan minggu.

1.4.6 Membuat perbandingan prestasi aksi taktikal di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas Program Intervensi Latihan Taktikal.

1.5 Batasan kajian

Dalam setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji ianya mempunyai batasan kajian tertentu yang boleh mempengaruhi dapatan kajian. Batasan kajian dibahagikan kepada dua iaitu delimitasi kajian dan limitasi kajian. Delimitasi kajian merupakan skop kajian yang dibentuk dan ditetapkan sendiri oleh pengkaji. Merujuk kepada Baumgartner, Strong & Hensley (2005) ia merupakan perkara-perkara yang boleh dikawal oleh penyelidik seperti (a) bilangan dan jenis subjek, (b) bilangan dan jenis pemboleh ubah, (c) ujian, pengukuran atau instrumen, (d) peralatan, (e) jenis program latihan, (f) masa dan kekerapan, dan (g) prosedur analitikal. Manakala Thomas, Nelson & Silverman (2001) menyatakan pula limitasi adalah batasan yang disebabkan kelemahan yang berlaku akibat daripada perkara yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik semasa menjalankan kajian. Baumgartner et al. (2005) menyatakan terdapat pendekatan penyelidikan, reka bentuk, kaedah dan teknik kajian, masalah persampelan, pemboleh ubah tidak terkawal, kesilapan pentadbiran ujian atau program latihan, ciri-ciri subjek yang diwakili, kesahan dalaman dan luaran, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian merupakan limitasi-limitasi kajian. Oleh itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa delimitasi dan limitasi yang mungkin mempengaruhi dapatan kajian.



penyelidik seperti (a) bilangan dan jenis subjek, (b) bilangan dan jenis pemboleh ubah,



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

